

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihargai,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai kad kredit anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia berguna; **Adalah penting untuk anda juga membaca dokumen ini bagi memastikan anda mendapat maklumat yang lengkap.**



① Apakah itu Kad Kredit?

Kad Kredit adalah kemudahan tanpa cagaran di mana had kredit diberikan oleh bank kepada anda untuk pembayaran barangan dan perkhidmatan. Sekiranya sebarang jumlah kredit yang telah anda gunakan tidak diselesaikan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh yang ditetapkan, jumlah yang belum diselesaikan tersebut akan dikenakan caj kewangan.

② Ketahui Kewajipan Anda

Bayaran Minimum Bulanan

- 5% daripada baki tertunggak atau minimum RM50; **DAN**
- 100% daripada semua jumlah ansuran bulanan yang dipersetujui termasuk sebarang pelan pembayaran ansuran dan pelan pemindahan baki, jika ada; **DAN**
- 100% ansuran bulanan pinjaman tetap untuk penukaran baki automatik ("ABC"), jika ada. Untuk maklumat lanjut berkenaan ABC, kelayakan serta bagaimana ABC berfungsi, sila layari laman web OCBC.

Tempoh Bebas Faedah

20 hari dari tarikh penyata dengan syarat tidak terdapat baki belum jelas dalam akaun ahli kad. Jika ahli kad memilih untuk membuat pembayaran sebahagian atau minima, caj kewangan bagi urus niaga runcit akan dikenakan dari tarikh urus niaga dicatatkan pada akaun kad. Tempoh tanpa faedah adalah tidak terpakai bagi Pendahuluan Tunai atau Pemindahan Baki.

Yuran Tahunan

Jenis Kad	Kad Utama	Kad Tambahan
OCBC Premier Voyage	RM750	RM500
OCBC 90°N Visa Card	RM288	RM88
OCBC Cashflo Mastercard	RM188	RM68
OCBC 365 Mastercard	RM100	RM50
OCBC Great Eastern Platinum Mastercard	Tanpa Yuran Tahunan	Tanpa Yuran Tahunan
OCBC Titanium Mastercard (Blue/Pink)	RM75	Tanpa Yuran Tahunan

Yuran dan Caj Lain

- **Cukai Perkhidmatan: RM25** setahun bagi setiap kad utama dan kad tambahan.
- **Yuran Pendahuluan Tunai: 5%** daripada jumlah pendahuluan ATAU minimum RM20, yang mana lebih tinggi. Dikenakan untuk setiap transaksi pendahuluan tunai.
- **Caj Pembayaran Lewat: 1%** caj pembayaran lewat hanya untuk transaksi runcit dan pendahuluan tunai ATAU minimum RM10 (yang mana lebih tinggi), tertakluk kepada maksimum RM100.
- **Yuran Pertukaran untuk Urus Niaga Luar Negara:** Tertakluk kepada kadar tukaran mata wang yang ditentukan oleh Visa International dan Mastercard Worldwide serta kos pentadbiran standard sebanyak 1.00% untuk OCBC 365 Mastercard dan 1.25%** untuk semua kad OCBC lain serta sebarang yuran transaksi yang dikenakan oleh Visa International dan Mastercard Worldwide.
- **Yuran Pengeluaran Penyata Bulanan: Tanpa Yuran** bagi penyata semasa sehingga 2 bulan yang lepas. **RM5** setiap penyata bagi 3 bulan ke atas.
- **Yuran Penggantian Kad:**
 - i. OCBC Premier Voyage (metal): **RM500**
 - ii. OCBC Premier Voyage (rPVC): **RM50**
 - iii. OCBC 365 Mastercard: **RM35**
 - iv. Kad Kredit OCBC yang lain: **RM50**

****Tidak terpakai untuk OCBC Premier Voyage Mastercard bagi OCBC Premier Private Clients.**

Sila maklum bahawa berkuat kuasa 1 Oktober 2025, cukai perkhidmatan sebanyak 8% akan dikenakan ke atas perkhidmatan kewangan tertentu yang berasaskan yuran dan komisen, tidak termasuk perkhidmatan perbankan asas. Yuran yang dinyatakan TIDAK termasuk cukai perkhidmatan 8%. Sebarang cukai perkhidmatan 8% yang berkenaan akan dipaparkan dengan sewajarnya dalam penyata akaun bank. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.ocbc.com.my/group/policies-charters>

Caj Kewangan

Transaksi Runcit	Pendahuluan Tunai
• 15% setahun: Pembayaran minimum tepat waktu untuk 12 bulan berturut-turut • 17% setahun: Pembayaran minimum tepat waktu untuk 10 atau 11 bulan dalam 12 bulan yang lalu • 18% setahun: Tidak termasuk di bawah kategori di atas.	18% p.a.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah sehingga 06/2026. Untuk melihat versi terkini pendedahan produk ini, layari laman web kami di www.ocbc.com.my.

3 Ketahui Risiko Anda

1. **Caj Pembayaran Lewat: 1%** caj pembayaran lewat hanya untuk transaksi runcit dan pendahuluan tunai ATAU minimum RM10 (yang mana lebih tinggi), tertakluk kepada maksimum RM100.
2. Dengan membayar hanya bayaran minimum bulanan, jumlah caj dan masa yang diambil untuk menjelaskan jumlah penuh akan meningkat.
3. Jika anda menghadapi masalah pembayaran balik baki Kad Kredit anda, hubungi OCBC lebih awal untuk membincangkan alternatif pembayaran semula.
4. **Hak untuk menolak:** OCBC berhak dengan notis terdahulu kepada anda, menolak dari sebarang baki dalam akaun perbankan yang anda ada dengan kami terhadap baki tertunggak dalam akaun Kad Kredit anda.
5. **Liabiliti terhadap urus niaga tanpa izin:** Ahli Kad akan bertanggungjawab ke atas transaksi yang tidak berasaskan PIN jika anda:
 - i. Bertindak penipuan, atau
 - ii. Menangguk dalam memaklumkan OCBC Bank dengan secepat mungkin selepas mendapati kehilangan atau penggunaan kad kredit anda tanpa kebenaran, atau
 - iii. Mendedahkan PIN anda kepada orang lain secara sukarela, atau
 - iv. Mencatatkan PIN anda pada kad kredit, atau pada apa-apa yang disimpan bersama kad kredit anda, atau
 - v. Meninggalkan kad kredit anda atau barang yang mengandungi kad kredit anda tanpa dijaga di tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain, atau
 - vi. Menggunakan PIN daripada tarikh lahir pemegang kad, kad pengenalan, passport, lesen memandu atau nombor perhubungan; atau
 - vii. Secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan kad kredit anda; atau
 - viii. Meninggalkan peranti yang dipautkan dengan OCBC Mobile Banking anda tanpa dijaga di tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain.
6. Jika anda gagal mematuhi Perjanjian Ahli Kad OCBC, kami berhak untuk menamatkan Kad Kredit OCBC anda.

4 Syarat Utama Lain

1. Adalah penting untuk anda memberitahu OCBC Contact Center mengenai sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda untuk memastikan semua amaran transaksi dan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
2. Sebagai Ahli Kad Asas, anda bertanggungjawab terhadap semua urus niaga oleh Ahli Kad Tambahan anda.
3. Fungsi tanpa sentuh:
 - i. Transaksi tanpa sentuh tanpa PIN dihadkan kepada RM250 setiap transaksi. Sekiranya transaksi tanpa sentuh melebihi RM250, anda dikehendaki memasukkan PIN anda untuk melengkapkan transaksi tersebut.
 - ii. Sekiranya jumlah kumulatif transaksi tanpa sentuh tanpa PIN mencapai RM3,000, anda akan dikehendaki memasukkan PIN anda untuk melengkapkan transaksi. Setelah anda melengkapkan transaksi menggunakan PIN di terminal POS, had kumulatif tanpa sentuh anda akan diset semula kepada RM0.
 - iii. Anda juga boleh menetapkan had tanpa sentuh kumulatif pilihan anda antara RM1,000 hingga RM5,000 (dalam selang RM1,000) di mana-mana Cawangan OCBC ATAU dengan menghubungi OCBC Contact Center.
 - iv. Anda mempunyai pilihan untuk mengaktifkan/memadamkan fungsi tanpa sentuh di mana-mana Cawangan OCBC ATAU dengan menghubungi OCBC Contact Center.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai Kad Kredit OCBC, anda boleh:



Hubungi kami di:
+603 8317 5000



Layari kami di
<https://www.ocbc.com.my/personal-banking/cards/overview>



Emel kami di
myexperience@ocbc.com



Imbas kod QR di
atas

Pengakuan Pelanggan*

Sila pastikan bahawa anda melengkapkan bahagian pengakuan ini sendiri dan memahami apa yang anda tandatangani, dengan menandakan kotak-kotak di bawah:

- ☐ Saya mengakui bahawa OCBC Bank telah memberikan saya satu salinan PDS.
☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam PDS ini.

*Pengakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjejaskan hak pelanggan untuk mendapatkan ganti rugi melalui undang-undang sekiranya berlaku pertikaian kemudian mengenai terma dan syarat produk.

Nama: _____

Tarikh: _____